

SOALAN NO. 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN
AZIZAH WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 6 MAC 2018

SOALAN :

YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan Kerajaan mengenai pengumuman SPR memperluaskan kategori pengundi pos kepada sembilan lagi kategori baru, nyatakan kewajaran memperluaskannya itu padahal mereka boleh didaftarkan sebagai pengundi awal, butirkan jumlah penjawat awam yang diunjurkan sebagai pengundi pos mengikut pecahan setiap kategori agensi dan jabatan yang terbabit.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memperluaskan kategori pengundi pos kepada 9 jabatan/agensi Kerajaan adalah untuk memberi kemudahan kepada anggota-anggota keselamatan, kesihatan dan perkhidmatan yang bertugas pada hari mengundi untuk mengundi melalui pos. Ini memandangkan anggota-anggota tersebut merupakan pemilih yang tidak dapat meninggalkan tugas mereka pada hari mengundi demi memastikan aspek keselamatan, kesihatan dan perkhidmatan kepada rakyat adalah terjamin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan undi pos bagi 9 jabatan/agensi yang terlibat masih dibuka. Setiap permohonan undi pos yang diterima oleh SPR akan disemak bagi memastikan hanya pemohon yang berkelayakan sahaja akan diberi kemudahan pengundian pos. Sehubungan itu, SPR tidak dapat menyediakan maklumat jumlah anggota yang terlibat dengan pengundian pos memandangkan proses permohonan tersebut masih dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.